

Company Name : Pharmaniaga Berhad

Date : 07 January 2021

Source : Berita Harian

Pharmaniaga dijangka pengedar utama vaksin

AmInvestment Bank Bhd (AmInvest) percaya Pharmaniaga Bhd akan menjadi pengedar utama vaksin COVID-19 kepada hospital tempatan dan akan melantik syarikat lain untuk membantu mengedarkan vaksin itu ke seluruh negara.

“Dalam perkara ini, kami percaya Apex Healthcare Bhd akan mendapat manfaat berikutan rangkaian pengedarannya yang kukuh dan rekod prestasinya yang cemerlang sebelum ini dalam pengedaran vaksin dari produk farmaseutikal yang lain,” katanya dalam nota penyelidikan.

Dari segi pembotolan, AmInvest berkata, walaupun perjanjian mengenai proses pembotolan

vaksin COVID-19 belum direalisasikan, kerajaan dilihat memilih Duopharma Biotech Bhd dan Pharmaniaga untuk menjalankan proses ini.

Setakat ini, Pharmaniaga sudah menandatangani perjanjian dengan Serum Institute of India Pte Ltd untuk menjalankan proses pembotolan bagi vaksin pneumokokal, katanya.

Bank pelaburan itu turut percaya KPJ Healthcare Bhd dan IHH Healthcare Bhd, selain menyedia penjagaan kesihatan swasta yang lain akan memainkan peranan dalam program vaksinasi.

Kami berpendapat hospital dan klinik swasta akan mem-

bantu dalam program vaksinasi COVID-19 Malaysia berikutan kemudahan rangkaian sejuk, had logistik dan tenaga kerja dalam sektor awam.

“Kami turut berpendapat penyedia penjagaan kesihatan swasta akan menerima bayaran tetap daripada kerajaan untuk perkhidmatan mereka, walaupun kami meragui margin keuntungan operasi akan tinggi berikutan ini adalah perkhidmatan nasional,” katanya.

Walaupun mengetahui bahawa vaksin COVID-19 akan digunakan hanya selepas mendapat kelulusan Agensi Kawal Selia Farmaseutikal Kebangsaan Malaysia (NPRA), bank pelaburan

itu percaya kumpulan pertama vaksin akan diberikan pada suku kedua atau suku ketiga 2021.

“NPRA bertanggungjawab memastikan semua produk dilihai dan diuji dengan baik sebelum didaftarkan untuk pasaran Malaysia.

“Berdasarkan keperluan kepada kadar segera, penilaian keutamaan kemungkinan besar akan digunakan untuk kelulusan yang lebih cepat bagi vaksin COVID-19,” katanya.

Secara keseluruhannya, bank pelaburan itu mengekalkan saranan ‘overweight’ ke atas sektor penjagaan kesihatan Malaysia.

“Walaupun pemulihan jumlah pesakit yang mendapatkan rawa-

tan hanya dijangka sederhana dalam unjurian 2021, prospek pendapatan untuk sektor terbabit adalah positif.

“Ini berdasarkan potensi kerjasama awam-swasta, margin yang lebih baik berikutan langkah pengurangan kos dan tumpuan kepada perbelanjaan modal yang rendah,” katanya.

Dalam jangka masa panjang, AmInvest menjangka pemulihan dalam pelancongan perubatan, kesedaran mengenai kesihatan awam yang lebih baik dan penduduk yang semakin berusia akan memacu tahap pertumbuhan yang seterusnya dalam sektor penjagaan kesihatan.

BERNAMA